

18 NOV 2003

Musa-Penggiliran

BN SABAH PUTUSKAN ISU SISTEM PENGGILIRAN SEBELUM PILIHAN RAYA NEGERI

KOTA KINABALU, 18 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata beliau akan memanggil mesyuarat Barisan Nasional (BN) negeri apabila tiba masa yang sesuai bagi membincangkan pelbagai isu termasuk soal sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah akan diteruskan atau sebaliknya.

Musa yang juga pengerusi BN negeri berkata mesyuarat itu boleh diadakan pada bila-bila masa sekiranya diperlukan.

Ditanya sama ada beliau akan memanggil mesyuarat BN negeri bulan depan, beliau berkata buat masa ini mesyuarat seumpama itu tidak perlu tetapi "saya akan memanggil mesyuarat BN untuk membincangkan hal itu sebelum pilihan raya negeri".

"Biasanya kalau ada perkara penting yang harus dibincangkan bersama kita boleh adakan mesyuarat BN pada bila-bila masa saja," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan kuih-muih Hari Raya kepada pasukan keselamatan di Menara Tun Mustapha, dekat sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini semalam bahawa pucuk pimpinan BN masih belum membuat keputusan sama ada meneruskan atau sebaliknya sistem penggiliran di Sabah.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata beliau tidak akan campur tangan dalam perkara itu tetapi akan menyerahkannya kepada para pemimpin BN negeri untuk mencapai persetujuan.

"Oleh kerana Perdana Menteri sudah kata begitu...kita ikutlah apa yang diberitahu oleh beliau," kata Musa.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu, diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, diamalkan di Sabah sejak BN membentuk kerajaan negeri pada Mac 1994.

Ia bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Islam Bumiputera, bukan Islam Bumiputera dan Cina -- untuk menerajui negeri itu berasaskan penggiliran bagi tempoh dua tahun.

Sistem itu bagaimanapun mengalami sedikit perubahan pada Mac 2001 bagi memberi laluan kepada Umno.

Di bawah sistem yang diubahsuai itu, seorang pemimpin dari parti itu akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri selepas penggal sesuatu kaum itu tamat.

Sistem itu setakat ini telah menyaksikan pelantikan tujuh ketua menteri -- Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Datuk Seri Musa Aman yang merupakan Ketua Menteri sekarang.

Ditanya sama ada Perdana Menteri ada membayangkan bila pilihan raya akan diadakan semasa sesi perjumpaan dengan pemimpin Umno negeri di sini semalam, beliau berkata: "Belum lagi tapi Perdana Menteri telah meminta semua anggota dan pemimpin UMNO dan juga pemimpin BN supaya terus bersedia menghadapi pilihan raya".

"Apa juga amanat beliau (Perdana Menteri), kita terima dengan baik dan kita akan memastikan perpaduan sentiasa wujud di kalangan parti komponen BN negeri demi mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihan raya akan datang," kata beliau.

Terdahulu, dalam ucapannya pada majlis penyerahan kuih-muih Hari Raya itu, Musa mengingatkan rakyat di negeri ini supaya sentiasa menghargai sumbangan dan pengorbanan pasukan keselamatan yang selama ini mencurahkan

bakti suci demi membela bangsa dan negara.

-- BERNAMA

NT ROS